

12/07/1998

Kurang dedikasi punca BN kalah

MELAKA: Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kurang dedikasi ahli Umno berbanding parti lawan adalah antara sebab kekalahan Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya kecil kawasan Parlimen Arau 4 Julai lalu.

"Nampak, Umno kurang bersemangat sedikit dan Umno fikir kita tetap menang, jadi tidak payah usaha kuat-kuat," katanya kepada pemberita selepas mengadakan pertemuan dengan pemimpin Umno Melaka di Ayer Keroh Country Resort di sini semalam.

Dr Mahathir yang juga Presiden Umno berkata, Umno menghadapi bahaya jika semua ahli tidak berusaha kuat dalam sesuatu pilihan raya apabila hanya memikirkan parti itu akan tetap menang, terutama di kawasan yang menjadi kubu.

Katanya, amat bahaya apabila menganggap sesuatu kawasan pilihan raya itu sebagai kubu parti akan tetap dimenangi walaupun dengan majoriti undi berkurangan.

(END)